SUKAN

03/01/2025 / MUHAMMED SOFFIQ SARIPIN



JENGKA, 14 Disember 2024 – *Office Management and Student Association (OMSA)* sesi 2024/2025 telah menganjurkan Hari Keluarga OMSA yang berlangsung di Padang B, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pahang, Kampus Jengka.

Program tersebut dihadiri oleh kira-kira 165 orang peserta, termasuk pensyarah dan pelajar dari Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP). Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang program, antaranya ‘belon air’, ‘straw getah’, ‘hantaran air’, ‘kain basah perah masuk botol’, dan ‘hantaran bola ping pong’. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan untuk mencipta suasana santai serta menyemai semangat kerjasama dalam kalangan mahasiswa.

Program ini juga dilihat sebagai usaha menyatukan pelajar di bawah pusat pengajian sambil meningkatkan hubungan silaturahim antara peserta. Selain mengeratkan hubungan, ia turut memberi kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan beriadah dan menyumbang kepada pembangunan semangat kebersamaan dalam kalangan mahasiswa.

Hari Keluarga OMSA 2024 berjaya mencipta kenangan manis untuk semua yang hadir serta mengukuhkan semangat perpaduan dalam komuniti kampus.

Share Share Post

Tags: Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), Hari Keluarga OMSA, Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pahang Kampus Jengka